



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

SEMPENA

**ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2019**

PADA

**19 FEBRUARI 2019 [SELASA]
BERSAMAAN 13 JAMADIL AKHIR 1440 HIJRAH**

**BERTEMPAT DI
BALAIRUNG SERI, ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

ALHAMDULILLAH, SAYA MERAFAKKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA ATAS LIMPAH DAN KURNIANYA DAPAT SAYA DAN WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN BERHIMPUN DI ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2019.

SAMBUTAN PADA TAHUN INI ADALAH MERUPAKAN SAMBUTAN KALI YANG KE-15 SEMENJAK TERBENTUKNYA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN. PADA MASA YANG SAMA; SAMBUTAN PADA TAHUN INI MERUPAKAN KALI PERTAMA SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG DAPAT BERANGKAT HADIR.

MAKA, HARI INI ADALAH MERUPAKAN HARI YANG SUNGGUH ISTIMEWA BUKAN SAHAJA KEPADA SELURUH WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN; MALAHAN TURUT MEMBAWA PENGERTIAN YANG BESAR KEPADA SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG.

SAYA SENDIRI BERASA KAGUM DENGAN KEPESATAN YANG DIKECAPI OLEH WILAYAH PERSEKUTUAN. BANDARAYA KUALA LUMPUR HANYALAH MERUPAKAN SEBUAH PERKAMPUNGAN BIJIH TIMAH YANG DI-TEROKAI SEKITAR PERTENGAHAN

KURUN KE-19. KINI, KUALA LUMPUR ADALAH MERUPAKAN IBU KOTA METROPOLITAN YANG PESAT MEMBANGUN.

BEGITU JUGA DENGAN PUTRAJAYA YANG MENJADI NADI KEPADA PENTADBIRAN NEGARA DAN LABUAN YANG DIKENALI SEBAGAI PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR ANTARABANGSA.

SAYA AMAT BERSYUKUR MELIHAT KOMITMEN BERTERUSAN KERAJAAN SAYA DALAM MEMBANGUNKAN WILAYAH PERSEKUTUAN MENERUSI STRATEGI PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN; DI SAMPING TURUT MEMBELA NASIB RAKYAT JELATA DI WILAYAH PERSEKUTUAN.

SEMOGA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN SAYA DI BAWAH PIMPINAN MEMANDA PERDANA MENTERI YANG LUAS PENGALAMAN; AKAN TERUS MEMACU PENINGKATAN TARAF SOSIO EKONOMI RAKYAT JELATA DAN MELONJAKKAN NAMA WILAYAH PERSEKUTUAN DI SETIAP PELUSUK DUNIA.

NAMUN DEMIKIAN, DALAM KITA MELANGKAH LAJU MENITI ARUS PEMODENAN; JANGANLAH SEKALI-KALI KITA TERLUPA UNTUK TURUT BERBAKTI MENJAGA ALAM SEKITAR. SESUNGGUHNYA ALLAH SUBHANAHU WATAALA TELAH MENJADIKAN MANUSIA SEBAGAI KHALIFAH YANG BERPERANAN UNTUK MENJAGA DAN MEMELIHARA PERSEKITARAN. INI DIJELASKAN DALAM SURAH HUD AYAT KE-61 YANG BERMAKSUD:

"DIALAH YANG MENJADIKAN KAMU DARI BAHAN-BAHAN BUMI, SERTA MENGHENDAKI KAMU MEMAKMURKANNYA."

JUSTERU, SAYA AMAT BERBANGGA SETELAH DISEMBAH MAKLUM MENGENAI KEJAYAAN PROJEK "*RIVERS OF LIFE*" YANG TELAH DIIKTIRAF SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA "*WORLD'S TOP 10 WATERFRONT DISTRICTS*." SELAIN ITU, PROJEK TAMAN TUGU ADALAH JUGA MERUPAKAN INISIATIF YANG MEMBANGGAKAN DALAM MEMELIHARA KHAZANAH WARISAN ALAM.

PADA HEMAT SAYA, TUGAS MEMELIHARA KHAZANAH WARISAN ALAM BUKAN HANYA DIGALAS OLEH KERAJAAN SEMATA-MATA. RAKYAT JELATA JUGA MESTILAH TURUT MEMBUDAYAKAN SIKAP UNTUK MEMELIHARA ALAM SEKITAR.

MUTAKHIR INI, WUJUD PELBAGAI PENCEMARAN DAN KEROSAKAN KEPADA ALAM SEKITAR AKIBAT DARIPADA SIKAP SERTA KELEMAHAN MANUSIA SENDIRI. KITA SERINGKALI TERLUPA BAHAWA ALAM SEKITAR ADALAH MERUPAKAN KOMPONEN UTAMA YANG DIPERLUKAN BAGI KEHIDUPAN YANG SELESA DAN KONDUSIF.

MAKA, SAYA INGIN MENGAJAK SETIAP LAPISAN MASYARAKAT TANPA MENGIRA DARJAT MAHUPUN BANGSA DAN UGAMA; UNTUK BERSATU-PADU DI DALAM MELESTARI SERTA MENJAGA ALAM SEKITAR.

SELAIN ITU, KESEPADUAN YANG DITUNTUT BUKANLAH HANYA DARI PERSPEKTIF PENJAGAAN ALAM SEKITAR SAHAJA. SEBALIKNYA, PERPADUAN ANTARA SEMUA KAUM, BANGSA DAN UGAMA; HENDAKLAH DIJADIKAN ASAS DALAM MENDEPANI HARI-HARI YANG MENDATANG.

MANA MUNGKIN SEBUAH KAPAL BOLEH DIKEMUDI JIKA AWAK-AWAK TIDAK BERSEPAKAT DI BAWAH PIMPINAN NAKHODA. JIKA BERTERUSAN, LAMBAT LAUN KAPAL TERSEBUT AKAN TENGGELAM DI PUKUL OMBAK. BEGITU JUGA DENGAN HIDUP BERMASYARAKAT DI DALAM SEBUAH NEGARA. INI KERANA; KESEPAKATAN DAN PERPADUAN ADALAH KUNCI KEPADA KEJAYAAN, KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA.

PADA KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MENYERU KEPADA SEKALIAN RAKYAT JELATA UNTUK MENGELAK PERTELINGKAHAN DAN SENTIASA HORMAT-MENGHORMATI SERTA MENYANTUNI DI ANTARA SATU DENGAN YANG LAIN; TANPA MENGIRA PERBEZAAN AGAMA DAN BANGSA.

SAMA-SAMA LAH KITA MENGAMBIL IKTIBAR DARI SIRAH RASULULLAH SALALLAHU ALAIHI WASALLAM. BAGINDA MELETAKKAN PERPADUAN SEBAGAI ASAS UTAMA DALAM MEMBENTUK NEGARA DAN SENTIASA MENYANTUNI UMMAT TANPA MENGIRA BANGSA DAN DARJAT.

INSYA ALLAH; APABILA KITA BERJAYA MELINTASI JURANG PERBEZAAN DAN MEMBENTUK PERPADUAN; SAYA YAKIN, NEGARA KITA MALAYSIA AKAN TERUS MENGORAK LANGKAH MAJU JAYA DI PERSADA DUNIA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN.

PADA HARI INI, SAYA TELAH BERKENAN MENGANUGERAHKAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN KEPADA PARA PENERIMA YANG TELAH MENCURAH JASA DAN BAKTI DALAM MEMBANTU DAN MENYOKONG PEMBANGUNAN SERTA KEMAJUAN WILAYAH PERSEKUTUAN.

ANUGERAH INI ADALAH MERUPAKAN PENGIKTIRAFAN KERAJAAN KEPADA PENGORBANAN SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN. OLEH ITU, ADALAH MENJADI KEWAJIPAN KEPADA SEMUA PENERIMA UNTUK MENJAGA MARUAH, INTEGRITI DAN NAMA BAIK DIRI BAGI MENGEKALKAN KEMULIAAN DAN MARTABAT ANUGERAH INI.

PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT BUKANLAH UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI BATU LONCATAN KEPADA KEMULIAAN DARJAT. OLEH ITU, SENTIASALAH INGAT KEPADA PESANAN PEPATAH MELAYU LAMA YANG BERBUNYI:

“ULAR MENYUSUR AKAR, TIDAK AKAN HILANG BISANYA.”

MENGAKHIRI TITAH; SAYA BERDOA SEMOGA NEGARA MALAYSIA YANG KITA CINTAI INI, AKAN BERTAMBAH MAKMUR DAN TERUS MENINGKAT MAJU; SERTA SENTIASA DALAM PERLINDUNGAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA DARI SEBARANG MUSIBAH DAN MALAPETAKA, INSHA ALLAH.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته